

PM seru umat Islam berbooleransi, ambil pedoman ajaran Rasulullah SAW

AZLAN ZAMBRY

UMAT Islam di negara ini mestilah mengambil pedoman daripada ajaran Nabi Muhammad SAW dalam menjunjung prinsip saling hormat-menghormati meskipun berlainan agama dan bangsa kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Jelas Perdana Menteri, prinsip tersebut selari dengan ajaran Islam yang mementingkan toleransi seperti berlakunya sejarah pemeteraian perjanjian Piagam Madinah atau dikenali sebagai Sahifah Madinah ketika tahun pertama hijrah.

“Perjanjian di antara Rasulullah SAW yang mewakili umat Islam dengan kaum kafir bertujuan untuk merangkul semua kekuatan yang ada dan memastikan semua pihak tunduk pada satu peraturan dan satu perlembagaan serta tidak memerangi umat Islam,” kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Kementerian Kewangan pada Selasa.

Hadir sama kedua-dua Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan dan Steven Sim Chee Keong serta Ketua Setiausaha



Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Marican.

Piagam Madinah telah dibuat oleh Nabi Muhammad pada tahun 622M bersamaan tahun pertama hijrah merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia. Kandungan

piagam ini terdiri daripada 47 fasal. 23 fasal piagam tersebut membicarakan tentang hubungan antara sesama umat Islam iaitu antara Ansar dan Muhajirin.

Anwar berkata dalam menjaga kepentingan majoriti Melayu Islam

di Malaysia, prinsip saling menghormati dan hak semua rakyat perlu dijaga.

“Ini kerja keras kepada Kerajaan Perpaduan pimpinan saya. Kalau di Kemboja umat Islam diraikan, masjid jangan dirobohkan, hak

mereka dipertahankan, malah diangkat sebagai menteri untuk mewakili kepentingan mereka.

“Begitulah halnya kepada semua negara lain tanpa mengorbankan kepentingan kelompok majoriti,” katanya.

Menceritakan pengalamannya berkunjung ke Kemboja baru-baru ini, Anwar berkata beliau menyaksikan sendiri layanan baik kerajaan Kemboja terhadap golongan minoriti muslim di negara itu.

“Saya sempat menyertai iftar anjuran Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen bersama 6,000 umat Islam di sana. Umat Islam di Kemboja hanya 10 peratus dan apabila diberi penghormatan, beri ucapan dan ke masjid di sana, saya sebut bahawa langkah ini menunjukkan negara majoriti (beragama) Buddha memberi dan meraikan kumpulan minoriti umat Islam dengan iftar dan beberapa ruang lain termasuk (melantik) menteri, seorang Muslim.

“Itu sebagai pengajaran, kadang-kadang kita yang majoriti (ini) menganggap tidak boleh meraikan kelompok (minoriti) lain dan ini bukan dianjurkan dalam pengajaran pedoman Nabi Muhammad SAW,” katanya.